

## Soalan Lazim – HLM Takaful Alpha Saver

### 1. Apakah HLM Takaful Alpha Saver?

HLM Takaful Alpha Saver adalah produk Takaful endowmen yang memenuhi kedua-dua keperluan perlindungan dan simpanan anda. Ia menyediakan perlindungan sekata untuk kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD), perlindungan tambahan untuk kematian akibat kemalangan serta khairat kematian yang dibayar selepas kematian. Ia juga membayar Bayaran Tunai pada akhir setiap 5 tahun ketika tempoh perlindungan. Manfaat kematangan akan dibayar pada akhir tempoh sijil sekiranya tiada tuntutan pernah dibuat. Pendaftaran adalah mudah dan pemeriksaan kesihatan tidak diperlukan.

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- (a) Tabarru' bermaksud derma daripada bahagian sumbangan yang akan diperuntukkan kepada Dana Risiko Peserta (PRF) yang mana akan digunakan untuk bantuan dan pertolongan bersama di kalangan rakan-rakan peserta.
- (b) Iltizam Bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.
- (c) Wakalah bermaksud secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, yang mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak peserta untuk menguruskan PRF dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah untuk perkhidmatan yang diberikan.
- (d) Ju'alah bermaksud perjanjian yang mana peserta berjanji untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baik Pengendali Takaful dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya Lebihan dalam dana tersebut.

### 3. Apakah umur kemasukan minimum dan maksimum bagi produk ini?

Umur kemasukan minimum adalah 30 hari manakala umur kemasukan maksimum adalah 55 tahun, pada hari jadi berikutnya.

### 4. Berapa lamakah tempoh perlindungan produk ini?

Tempoh perlindungan untuk produk ini adalah 20 tahun.

### 5. Berapakah perlindungan minimum dan maksimum?

Jumlah Dilindungi Asas produk ini bergantung kepada sumbangan bulanan dan umur kemasukan yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

Sumbangan Bulanan (RM)	Umur Kemasukan	
	1 – 45 hari jadi berikutnya	46 – 55 hari jadi berikutnya
50 (Pelan50)	10,000	7,000
100 (Pelan100)	20,000	14,000
200 (Pelan200)	40,000	28,000

### 6. Apakah yang akan dibayar sekiranya kematian/TPD berlaku atas sebab bukan kemalangan?

Sekiranya berlaku kematian/TPD (perlindungan TPD sehingga umur 65 pada hari jadi berikutnya) Orang Dilindungi ketika sijil masih berkuat kuasa, yang berikut akan dibayar:

- (a) Manfaat Kematian/TPD – 100% daripada Jumlah Dilindungi Asas
- (b) Khairat Kematian (dibayar selepas kematian) – Tambahan 10% daripada Jumlah Dilindungi Asas

### 7. Apakah yang akan berlaku sekiranya kematian terjadi akibat daripada kemalangan?

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan (perlindungan sehingga umur 65 pada hari jadi berikutnya) Orang Dilindungi ketika sijil masih berkuat kuasa, 200% daripada Jumlah Dilindungi Asas akan dibayar sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian.

### 8. Bilakah saya akan menerima Bayaran Tunai dan berapakah akan dibayar?

Bermula dari akhir tahun kelima sijil dan 5 tahun berikutnya, Bayaran Tunai seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah akan dibayar, dengan syarat sijil masih berkuat kuasa dan tiada amaun masih tertunggak kepada kami:

Akhir Tahun Sijil	% daripada Jumlah Sumbangan yang Telah Dibayar	Bayaran Tunai (RM)		
		Pelan50	Pelan100	Pelan200
5	5%	150	300	600
10	5%	300	600	1,200
15	10%	600	1,200	2,400
20	15%	900	1,800	3,600
<b>Jumlah</b>		<b>1,950</b>	<b>3,900</b>	<b>7,800</b>

### 9. Apakah yang akan saya terima apabila sijil matang?

Apabila sijil matang, 100% daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar akan dibayar kepada anda.

### 10. Bolehkah saya menukar perlindungan sejeurus selepas permulaan sijil?

Tidak, penukaran dalam perlindungan tidak dibenarkan.

### 11. Apakah rider yang disediakan untuk meningkatkan perlindungan saya?

Tiada rider yang boleh dilampirkan kepada HLM Takaful Alpha Saver.

### 12. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar dan apakah mod dan kaedah pembayaran sumbangan?

Amaun sumbangan yang perlu anda bayar bergantung kepada pilihan pelan anda. Amaun sumbangan adalah tetap sepanjang tempoh perlindungan. Sila rujuk Ilustrasi Manfaat untuk maklumat lanjut. Anda boleh membayar sumbangan anda secara tahunan, separa tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui kad kredit/debit, debit terus dan arahan tetap.

### 13. Apakah tempoh bayaran sumbangan bagi HLM Takaful Alpha Saver?

Tempoh bayaran sumbangan adalah 10 tahun.

### 14. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya berhenti membayar sumbangan?

Sekiranya sumbangan masih tidak dibayar selepas tempoh ihsan selama 90 hari, sijil anda akan ditukarkan secara automatik kepada sijil Berbayar Terkurang (RPU) di mana perlindungan anda akan dikurangkan, tertakluk kepada terma dan syarat kami. Jika tidak, sijil anda akan luput. Sila rujuk sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

### 15. Adakah sumbangan yang dibayar untuk HLM Takaful Alpha Saver layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Ya. Anda layak untuk mendapat pelepasan cukai peribadi di bawah "Insurans Hayat", tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

### 16. Bolehkah anda memberitahu saya dengan lebih lanjut mengenai dana di bawah HLM Takaful Alpha Saver?

Hanya terdapat satu dana di bawah produk ini iaitu Dana Risiko Peserta (PRF). Sumbangan yang dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah akan disalurkan ke dalam PRF sebagai Tabarru' untuk menyediakan manfaat Takaful di bawah produk ini. Semua manfaat Takaful seperti Manfaat Kematian, Manfaat TPD, Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, Khairat Kematian, Bayaran Tunai dan Manfaat Kematangan akan dibayar daripada PRF. Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan dalam nisbah 50:50 di antara Pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Ju'alah) dan peserta yang layak.

### 17. Apakah berlaku sekiranya saya menamatkan sijil saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil anda dengan memulangkan sijil kepada kami bersama notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Nilai serahan tunai daripada PRF (jika ada) ditolak caj serahan akan dibayar. Anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda dan amaun yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

### 18. Apakah pengecualian untuk HLM Takaful Alpha Saver?

- (a) Manfaat Kematian/Khairat Kematian tidak akan dibayar untuk kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung akibat bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh permulaan sijil atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana lebih kemudian.
- (b) Manfaat TPD tidak akan dibayar berhubung sebarang keadaan/kecederaan/peristiwa yang mana berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras, di bawah pengaruh sebarang alkohol, narkotik atau dadah, aktiviti penerbangan persendirian, perkhidmatan ketenteraan, peperangan, tindakan jenayah atau keganasan, sukan berbahaya dan aktiviti seumpamanya.
- (c) Manfaat Kematian Akibat Kemalangan tidak akan dibayar untuk kemalangan akibat kemalangan berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada ketika waras atau tidak waras, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas, peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi atau mana-mana operasi perang.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.*